

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO.16

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh pihak Kementerian setakat ini bagi membangunkan usahawan baru berdasarkan kaum dan apakah halangan yang dihadapi bagi menjayakan usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Keusahawanan yang disediakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) dan agensi-agensi di bawahnya menyasarkan semua peringkat usahawan di seluruh negara tanpa mengira latar belakang kaum dan individu yang memenuhi syarat-syarat permohonan yang ditetapkan. Peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan kepada usahawan adalah secara komprehensif dan bersasar bagi memastikan ianya mencapai keberhasilan yang diharapkan daripada program yang dijalankan.
2. Sebagai contoh, pecahan pembiayaan usahawan baru oleh TEKUN Nasional, salah satu agensi MED mengikut kaum bagi tempoh Januari sehingga 31 Ogos 2019 adalah seperti berikut :

BIL	KAUM	BILANGAN	NILAI (RM) JUTA
1	MELAYU	14,935	197.46
2	INDIA	496	8.83
3	ORANG ASLI	11	0.22
4	SIAM	12	0.16
5	ETNIK SABAH & SARAWAK	3,270	41.99
JUMLAH		18,724	248.66

3. TEKUN juga turut membantu usahawan masyarakat Siam yang memerlukan modal perniagaan. Pada tahun 2019, TEKUN telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM160,000 kepada 12 orang usahawan etnik Siam di seluruh negara.

4. Sehingga bulan Ogos 2019, TEKUN telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM8,828,000 kepada 496 usahawan masyarakat India melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) dalam golongan B40 untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

5. Pada Belanjawan 2020, Kerajaan telah memperuntukkan dana tambahan untuk program SPUMI sebanyak RM20 juta yang dijangka akan memberi manfaat kepada 1,300 usahawan masyarakat India.

6. Antara halangan yang dihadapi bagi menjayakan usaha Kementerian bagi membangunkan usahawan baru pelbagai kaum termasuk:-

- a) kurang pengetahuan berkaitan penyediaan perancangan memulakan perniagaan;
- b) kurang pengetahuan berkaitan pengurusan kewangan;
- c) pelaksanaan pengurusan risiko;
- d) tiada bimbingan yang betul berkaitan teknik perniagaan; dan

NO. SOALAN : 16

e) kurang mengaplikasikan teknologi dan inovasi dalam menjalankan sesebuah perniagaan.

7. Langkah-langkah penambahbaikan sedang diambil dalam meningkatkan pengetahuan berkaitan kemahiran dalam jualan dan pemasaran, aplikasi teknologi terkini dan pengetahuan pengurusan perniagaan oleh usahawan baharu melalui program keusahawanan kreatif dan berinovasi anjuran MED.

Kursus Asas Keusahawanan (KAK) yang baharu diperkenalkan oleh MED melalui Institut Koperasi Malaysia (IKM) dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan dan perkongsian berkaitan pengetahuan asas perniagaan kepada usahawan baru. Kursus ini terbuka kepada individu, usahawan, usahawan koperasi secara individu dan usahawan yang ingin mendapatkan pembiayaan TEKUN. Kursus ini telah pun diperkenalkan pada tahun 2019 dan sehingga kini seramai **678 peserta** telah mendapat manfaat daripada penganjurannya di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.